

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 3 April 2017**

**SOALAN**

Dato' Noraini Binti Ahmad [ Parit Sulong ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik terkini jumlah kanak-kanak yang dilaporkan hilang dari tahun 2016 sehingga kini dan bagaimana pihak Kementerian melihat ancaman Pedophilia ini sebagai suatu ancaman yang serius di negara kita.

## **JAWAPAN**

Aspek perlindungan dan keselamatan kanak-kanak adalah satu perkara yang mendapat perhatian khusus daripada pihak kerajaan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama-sama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil inisiatif bagi merangka satu sistem amaran awal kehilangan kanak-kanak yang dikenali dengan nama NUR Alert. Sistem ini merekod maklumat kehilangan kanak-kanak yang berusia 12 tahun dan ke bawah. Melalui sistem NUR Alert, maklumat kanak-kanak yang hilang akan disebar luas kepada masyarakat umum menerusi pelbagai medium seperti laman sesawang, poster, mesin pengeluaran wang automatik (ATM), sistem pesanan ringkas (SMS), televisyen, akhbar, sistem pesanan bergambar (MMS), dengan izin, 'electronic board' dan papan kenyataan. Berdasarkan statistik PDRM, kes kanak-kanak di bawah 18 tahun yang dilaporkan hilang pada tahun 2016 adalah sebanyak 824 kes. Daripada jumlah tersebut, kanak-kanak yang dilaporkan hilang melalui sistem NUR Alert bagi tahun tersebut adalah seramai 11 orang. Tuan Yang Dipertua, Berhubung dengan ancaman pedofilia di Malaysia, pihak Kementerian berpandangan bahawa pedofilia merupakan suatu perkara yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Pedofilia bermula dengan kes Richard Huckle yang telah menggemparkan Malaysia pada tahun 2016 atas sabitan kesalahan merogol dan serangan seksual terhadap 23 orang kanak-kanak di negara ini. Dilaporkan bahawa sebanyak 20,000 imej lucah dalam komputer Richard Huckle serta catatan mengenai serangan dan aktiviti pedofilia yang telah dilakukannya. Selain daripada itu, pedofilia juga berkait rapat dengan penderaan seksual. Statistik penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini menunjukkan berlaku peningkatan kecuali pada tahun 2014 dan 2015 yang sedikit menurun. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 5,052 kes penderaan seksual telah dilaporkan dan kebanyakannya pesalah kes penderaan seksual kanak-kanak terdiri daripada ibubapa, penjaga atau yang rapat dengan kanak-kanak termasuk pedofilia. Walaupun tidak semua penderaan seksual kanak-kanak terdiri daripada pedofilia, peningkatan kes penderaan seksual menunjukkan bahawa ancaman pedofilia perlu diberi perhatian yang serius sehingga YAB Perdana Menteri semasa Sambutan Hari Wanita 2016 mengarahkan agar satu jawatankuasa task force ditubuhkan bagi meneliti perkara ini. Hasil dari tindakan task force tersebut, sebuah Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 akan dibahaskan pada hari ini. Ancaman pedofilia juga boleh dilihat berdasarkan penggunaan atau pendedahan teknologi yang mudah diakses pada hari ini seperti facebook, instagram, twitter dan sebagainya. Impak internet serta media sosial terhadap eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak oleh seseorang pemangsa pedofilia amat meluas sehingga merangkumi ramai mangsa kanak-kanak pada satu-satu masa melalui aktiviti cyber grooming. Eksploitasi seks boleh berlaku secara online dan offline. Aktiviti eksploitasi online ialah memaparkan gambar lucah kanak-kanak. Manakala eksploitasi secara offline adalah melalui pertemuan bersemuka (face to face) di mana profil kanak-kanak serta lokasi mangsa diketahui. Berdasarkan keadaan-keadaan ini, kementerian melihat bahawa jenayah pedofilia adalah merupakan satu ancaman yang perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak dan saya sangat-sangat berharap Rang Undang-Undang yang dibentangkan hari ini akan mendapat sokongan semua pihak.

